



Rujukan Kami : PMS/UP/656-3 Jld. 4( 26 )  
Tarikh : 4 Oktober, 2016 / 3 Muharam 1438H

Semua Ketua Jabatan Persekutuan/Negeri Sabah  
Dan Wilayah Persekutuan Labuan

Semua Ketua Badan Berkanun Persekutuan/Negeri Sabah  
Dan Wilayah Persekutuan Labuan

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**SURAT EDARAN PERBENDAHARAAN MALAYSIA SABAH**  
**BIL. 1/2016**

**PERATURAN PENGURUSAN TENDER KERAJAAN PERSEKUTUAN DI**  
**NEGERI SABAH YANG DIPUTUSKAN OLEH LEMBAGA PEROLEHAN**  
**PERSEKUTUAN SABAH (LPPS)**

Dengan hormatnya saya menarik perhatian YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan kepada perkara di atas.

2. Semua Jabatan/Agensi Persekutuan di Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan diminta untuk melaksanakan perancangan awal dan memulakan proses perolehan enam (6) bulan sebelum kontrak semasa tamat bagi semua perolehan kerajaan secara tender yang akan diputuskan oleh LPPS. Berikut adalah jadual jangkamasa dan proses pelaksanaan perolehan secara tender :

Bil	PROSES TENDER	TEMPOH/ JANGKAMASA
1	Penyediaan Dokumen Tender/Anggaran dan Lain-lain urusan berkaitan dengan Spesifikasi Tender	14 Hari
2	Pengiklanan Tender & Taklimat Tender	21 Hari
3	Pembukaan dan Penilaian Jawatankuasa Pembuka Harga	7 Hari
4	Penyediaan Kertas Taklimat Tender (Penilaian Teknikal & Penilaian Harga)	30 Hari
5	Penyerahan Kertas Taklimat Tender Kepada Urus Setia LPPS dan keputusan Mesyuarat LPPS	30 Hari
6	Pengeluaran Surat Lantikan / Surat Setuju Terima (1 Bulan Sebelum kontrak baharu bermula)	30 Hari

3. Perbendaharaan Malaysia Sabah (PMS) mendapati masih terdapat Jabatan/Agensi Persekutuan di Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan yang tidak memantau kontrak-kontrak di bawah seliaan masing-masing dan masih menimbulkan banyak isu seperti :

3.1 Tempoh kontrak telah tamat dan tender belum dipelawa ;

3.2 Pembekal sedia ada membekal perkhidmatan dan bekalan tanpa kelulusan pihak berkuasa melantik ;

3.3 Permohonan pelanjutan berulang kali bagi pembekal sediaada akibat kelewatan dalam proses tender yang mencerminkan urusan perolehan yang tidak cekap dan terurus; dan

3.4 Pihak Kontraktor/pembekal tidak dapat bayaran kerana tidak ada kelulusan.

4. Berkuatkuasa mulai dari tarikh surat edaran ini dikeluarkan, Jabatan/Agensi hendaklah mempelawa tender enam (6) bulan sebelum sesuatu kontrak tamat. Oleh itu, sekiranya sesuatu bekalan dan perkhidmatan terus juga disediakan selepas tamat kontrak tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan, Jabatan/Agensi boleh disyorkan untuk tindakan pembayaran di bawah AP 59.


5. Sehubungan dengan itu, pihak YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan adalah dinasihatkan untuk menyerahkan Kertas Taklimat Tender kepada Urus Setia LPPS seawal dua (2) bulan sebelum kontrak semasa tamat. Ini adalah bagi memastikan pengurusan perolehan secara tender dapat dilaksanakan secara teratur dan pelantikan kontraktor/syarikat baharu dapat dilaksanakan dengan segera sebelum kontrak semasa tamat.

6. Selain itu juga, Jabatan/Agensi diminta mengemukakan maklumat status perolehan yang dilaksanakan secara tender bagi kontrak semasa yang akan tamat pada bulan Oktober 2016 hingga Disember 2017 ke pejabat ini selewat-lewatnya pada 7 Oktober 2016.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,



( MOHD. YUNUS BIN CHARLIE CHARINGTON )  
Pegawai Kewangan Persekutuan Sabah

s.k.

1. YBhg Datuk Seri Hashmuddin bin Mohammad,  
Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (M),  
Kementerian Kewangan Malaysia,  
Aras 10, Blok Tengah,  
Kompleks Kementerian Kewangan Malaysia,  
No. 7, Persiaran Perdana,  
Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
**62592 PUTRAJAYA.**
  
2. Setiausaha Persekutuan Sabah,  
Pejabat Setiausaha Persekutuan Sabah,  
Aras 7, Blok A, Beg Berkunci No 2062,  
Kompleks Kerajaan Negeri Sabah,  
**88450 KOTA KINABALU.**
  
3. Setiausaha Kerajaan Negeri,  
Jabatan Ketua Menteri,  
Tingkat 6, Wisma Innoprise,  
Jalan Sulaman, Teluk Likas,  
**88502 KOTA KINABALU.**